

BENGKEL *HANDS-ON* KAMUS KOMPETENSI FUNGSIAN (KKF) KE DALAM SUBMODUL *MyPERFORMANCE* INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)

Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Institut Tanah dan Ukur Negara telah berjaya menganjurkan Bengkel *Hands-on* Kamus Kompetensi Fungsian (KKF) ke Dalam Submodul *MyPerformance* INSTUN Tahun 2025 pada 23 Jun 2025 di Pusat Kecemerlangan Tanah, INSTUN. Secara keseluruhannya, bengkel ini telah disertai oleh seramai 33 orang peserta. Bengkel ini disasarkan kepada Pentadbir KKF Agensi INSTUN di peringkat bahagian yang telah dilantik di setiap Bahagian/ Seksyen/ Unit.

Objektif bengkel ini adalah bagi memastikan arahan penggunaan *MyPerformance* bagi Modul Pengurusan Prestasi Tahun Penilaian 2025 di INSTUN dapat dilaksanakan pada tahun ini serta proses mengunci masuk KKF di peringkat bahagian/ seksyen/ unit dapat dilaksanakan dalam usaha menyokong pembangunan Submodul *MyPerformance*.

Penceramah bengkel ini ialah Puan Amallia binti Mohd Sabry, selaku Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia, INSTUN.



Puan Amallia binti Mohd Sabry, Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia menyampaikan taklimat berkenaan Kamus Kompetensi Fungsian (KKF)

Pentadbir KKF INSTUN menyemak dan mengunci masuk KKF ke dalam MyPerformance mengikut Bahagian/ Seksyen/ Unit masing-masing





Gambar-Gambar Semasa Sesi Bengkel





